



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(26)  
Tarikh: 10 MEI 2021

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

### **MAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)**

Untuk memerangi Covid-19, Menteri Kanan Pendidikan telah mengumumkan bahawa semua sekolah akan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) selama dua minggu mulai pada **17 Mei 2021 hingga 28 Mei 2021**. Demi menyempurnakan sesi PdPR ini, pihak sekolah telah menyediakan **Jadual Waktu PdPR Khas** untuk semua murid.

02. Pelaksanaan PdPR tersebut akan dijalankan dalam bentuk Google Classroom (GC) sahaja, **TIADA** sesi Google Meet (GM). Murid-murid dikehendaki log masuk (GC) mengikut jadual waktu yang ditetapkan dan seterusnya mengikut pesanan guru untuk menyiapkan tugas dengan sempurna. Setiap guru mata pelajaran akan memuatnaikkan semua bahan pengajaran dan latihan melalui Google Classroom (GC) bermula pada pukul 7.00 pagi setiap hari. PdPR akan dilaksanakan dari hari Isnin hingga Jumaat. Cuti umum dan hari minggu adalah dikecualikan.

03. Selain itu, murid-murid Tahun 4 hingga Tahun 6 juga dikehendaki mengikuti aktiviti kokurikulum atas talian seperti biasa. **26 Mei 2021 (Rabu)** adalah cuti umum Hari Wesak. Oleh demikian, semua guru dan murid **TIDAK PERLU** melaksanakan PdPR pada hari tersebut.

04. Diharapkan para ibu bapa / penjaga mengambil perhatian sepenuhnya dan memastikan anak-anak murid melaksanakan sesi PdPR pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih. Selamat Hari Wesak !

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KITA JAGA KITA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOK SUN FU**

Guru Besar  
SK (C) Anglo Chinese,  
Kota Kinabalu.